

NO. SOALAN: 167

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERMA MAHKOTA]**

SOALAN:

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Inderma Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal sebarang tingkah laku ibadat dan dakwah songsang, seperti berwirid sambil berjoget dan lain-lainnya, di negara ini.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini tiada kes ajaran berwirid sambil berjoget di negara ini yang dilaporkan oleh mana-mana pihak secara rasmi kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) walaupun ianya pernah menjadi polemik dan perbincangan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) sentiasa

bekerjasama dan menggembeng tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan. Kuasa untuk menguatkuasakan kesalahan yang berhubung dengan akidah, termasuk tingkah laku ibadat dan dakwah songsang yang dikaitkan dengan ajaran menyeleweng adalah berada di bawah bidang kuasa negeri seperti yang dijelaskan di dalam Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.